



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIARAN MEDIA

PERTUBUHAN MUFAKAT JPPKK DILANCARKAN - PLATFORM KEBAJIKAN UNTUK WARGA POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

KUALA LUMPUR, 18 OGOS 2025 – Pertubuhan Muafakat Ibu Pejabat Politeknik dan Kolej Komuniti (Pertubuhan Muafakat JPPKK) hari ini dilancarkan secara rasminya oleh YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi. Kehadiran YBTM ke majlis pelancaran ini menunjukkan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) menyambut baik penubuhan Pertubuhan Muafakat JPPKK kerana ia membuktikan bahawa warga POLYCC tidak hanya fokus pada kecemerlangan akademik, tetapi juga mengambil berat dalam soal kebajikan. Beliau juga mengharapkan agar pertubuhan ini menjadi simbol kebersamaan, perpaduan dan kesejahteraan dalam ekosistem pendidikan tinggi TVET Malaysia khususnya.

Majlis pada hari ini merupakan satu sejarah penting buat warga POLYCC dengan termeterainya komitmen untuk memperkukuh kebajikan dan keharmonian warga, selaras dengan empat teras utama pertubuhan iaitu Kebajikan, Keharmonian, Keberkatan dan Kesihatan. Pengerusi Pertubuhan Muafakat JPPKK, YBhg. Dato' Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail, dalam ucapan alu-aluannya menegaskan bahawa penubuhan Pertubuhan Muafakat JPPKK ini merupakan hasil semangat kerjasama erat antara pelbagai pihak di bawah JPPKK dan beliau juga berharap agar pertubuhan ini dapat berkembang menjadi sebuah struktur yang kukuh dan mampan,

berdaya saing serta mampu memberi impak positif bukan sahaja kepada warga POLYCC tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhan. “Pertubuhan Muafakat JPPKK” diwujudkan untuk memberi manfaat secara menyeluruh kepada staf, pesara, alumni dan pelajar, dengan pelbagai inisiatif seperti bantuan kematian, bantuan musibah, sumbangan khas sempena perayaan, serta program kesihatan dan rekreasi. “Sejak awal, kita telah berjaya mendaftarkan lebih 10,000 ahli, iaitu 71.7% daripada warga POLYCC, dan sasaran kita adalah mencapai 100% menjelang tahun hadapan.”

Pertubuhan ini telah didaftarkan di bawah Registry of Societies (ROS) pada 7 November 2024, dan telah melaksanakan pelbagai program seperti Muafakat Virtual Run & Brisk Walk 2025, Tabung Bencana Ihsan MADANI, bantuan banjir, Bakul Ramadan dan Jerayawara Pertubuhan Muafakat JPPKK.

Dalam majlis ini juga, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) turut menyerahkan sumbangan RM250,000 Zakat Wakalah kepada pelajar politeknik dan kolej komuniti, Insentif *Business Partnership Programme* kepada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) berjumlah RM107,173.93 serta Zakat Wakalah kepada Pelajar IPTA dan IPTS berjumlah RM1,505,000.

-TAMAT-

**JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
18 OGOS 2025**

